



Info lanjut di  
[budget.mof.gov.my/manfaat](http://budget.mof.gov.my/manfaat)



EKONOMI

Kata Kunci

## PENGUMPULAN DANA CAGAMAS CECAH SATU LAGI REKOD TERTINGGI



Cagamas Bhd

01/06/2023 12:26 PM

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Cagamas Bhd telah berjaya memuktamadkan agregat dana bersamaan RM3.42 bilion yang dikumpul, iaitu terbitan terbesar syarikat yang dijana dalam masa sebulan.

Dana itu terdiri daripada sejumlah RM943 juta pembiayaan tiga bulan diperoleh melalui Kertas Komersial Konvensional, Kertas Komersial Islam dan Perjanjian Pembelian Semula, nota jangka sederhana konvensional bernilai RM2.13 bilion bertempoh satu tahun, dua tahun, tiga tahun dan 10 tahun serta nota jangka sederhana satu tahun (dolar Singapura) bernilai SG\$103 juta (RM350 juta).

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Datuk Chung Chee Leong berkata hasil yang diperoleh daripada terbitan itu akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan dan pembiayaan rumah daripada sistem kewangan domestik, mencerminkan peranan pengantara kewangan yang berterusan dalam sistem perbankan domestik.

“Jumlah dana yang diperoleh syarikat sehingga kini berjumlah RM9.76 bilion. Cagamas telah memuktamadkan sejumlah enam terbitan mata wang asing termasuk dolar Singapura dan dolar Hong Kong berjumlah bersamaan RM2.35 bilion setakat ini,” kata Chung dalam satu kenyataan hari ini.

Bon berdenominasi dolar Singapura yang diterbitkan melalui anak syarikat milik penuh syarikat, Cagamas Global PLC -- dijamin sepenuhnya dan tanpa syarat oleh Cagamas manakala terbitan ringgit, yang akan ditebus pada nilai nominal penuhnya apabila matang, adalah obligasi tidak bercagar syarikat.

-- BERNAMA